

**BENTUK KERTAS SOALAN**

Kertas Kesusasteraan Melayu 2215/1 mengandungi dua bahagian :

- Bahagian Satu:           Merupakan soalan struktur. Calon wajib menjawab kesemua 10 soalan yang dikemukakan.
- Bahagian Dua:           Merupakan soalan esei. Terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C dengan enam soalan semuanya. Setiap bahagian terdiri daripada dua soalan. Calon wajib menjawab tiga soalan iaitu satu soalan bagi setiap bahagian.

Calon diberi masa dua jam tiga puluh minit untuk menjawab kedua-dua Bahagian Satu dan Bahagian Dua.

**PRESTASI KESELURUHAN**

Prestasi calon agak baik jika dibandingkan dengan tahun 2003.

Rata-rata calon lemah dalam menjawab soalan struktur. Sebahagian besar calon memperoleh markah rendah. Sebahagian kecil sahaja yang memperoleh markah tinggi. Hal ini ada kaitannya dengan faktor daya ingatan yang lemah dalam penguasaan kesemua teks sastera, istilah serta konsep-konsep asas kesusasteraan.

Markah yang baik diperoleh daripada jawapan untuk soalan esei iaitu Bahagian Dua terutamanya bagi soalan nombor 1, 3, 4 dan 5.

Walau bagaimanapun masih terdapat calon yang memberikan jawapan yang kurang mantap yang menggambarkan kelemahan mereka dalam menguasai isi teks dan istilah-istilah asas sastera.

**PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON****Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon kumpulan ini berjaya menjawab kebanyakan soalan Bahagian Satu dengan tepat dan padat sebagaimana kehendak peraturan pemarkahan. Walau bagaimanapun tidak terdapat calon yang menjawab tepat kesemua soalan bagi bahagian ini. Bagi Bahagian Dua, jawapan yang dikemukakan bertepatan dengan kehendak soalan dan terdapat calon yang memberikan isi yang melebihi markah maksimum. Jawapan disampaikan dengan bahasa yang baik dan berkesan di samping persembahan tulisan yang kemas dan teratur.

(c) Pengajaran-pengajaran yang terdapat dalam cerpen 'Paku Payung Limau Mandarin' adalah (kita mestilah menghormati orang yang lebih tua atau guru kita.)<sup>2</sup>

(Kita janganlah janganlah mempunyai sikap yang pendendam terhadap seseorang.)<sup>2</sup>

(Sebagai seorang guru kita hendaklah mempunyai sikap sabar dalam mendidik kanak-kanak yang istimewa.)<sup>2</sup>

(Kita perlulah menziarahi orang yang sakit dengan membawa sedikit buah tangan.)<sup>2</sup>

(Kita hendaklah memaafkan kesalahan orang yang kita benci. (Kita janganlah ada perasaan benci terhadap seseorang yang baik hati.)

(Kita janganlah ada perasaan benci terhadap seseorang yang tidak sempurna atau cacat.)<sup>2</sup>

### Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Jawapan calon bagi Bahagian Satu kurang tepat dan kurang jelas. Hanya beberapa soalan sahaja yang dijawab dengan tepat. Malah ada yang tidak menjawab langsung. Bagi Bahagian Dua isi yang dikemukakan agak terhad menyebabkan calon tidak dapat mencapai markah yang baik. Penyampaian jawapan calon masih pada tahap yang memuaskan.

Contoh jawapan:

a) (Seorang yang pendiam) dia juga tidak banyak bergaul dengan orang. Midun juga seorang yang malas belajar. di dalam kelas di asyik di mawahi oleh cikgu kerana selalu tidak menyiapkan kerja sekolah, dan selalu tidur di dalam kelas. Midun juga (seorang yang puihatin) (ontohnya semasa cikgunya memarahinya tangan cikgunya terucuk dengan paku payung dan di hantar ke hospital. Midun mengajak ayahnya ke hospital dan membelikannya sebiji limau mandarin untuk cikgunya itu)

Jawapan di atas menggambarkan calon hanya mampu memberikan dua isi dan satu contoh sahaja, manakala jawapan di bawah memperlihatkan calon tidak menjawab dalam bentuk esei. Jawapan seperti ini akan ditolak markah.

- (i) Kita hendaklah mempunyai pendidikan yang tinggi.
- (ii) Kita haruslah mengajav muvid dengan baik.
- (iii) (Kita janganlah memandangi seseorang dari segi fizikal sahaja)
- (iv) Kita haruslah mempunyai hati budi yang baik.
- (v) Kita haruslah mempunyai sikap belas kasihan.)

### Calon Dalam Kumpulan Rendah

Bagi Bahagian Satu, calon gagal mengemukakan jawapan yang tepat, malah terdapat calon yang langsung tidak menjawab. Bagi Bahagian Dua calon tidak dapat memahami tugasan soalan di samping tidak dapat mengemukakan isi yang tepat. Keadaan ini menggambarkan mereka tidak menguasai teks yang ditetapkan. Penyampaian jawapan agak lemah dan tidak teratur.

Contoh jawapan:

- (1) Kita perlulah ada sikap bertanggung jawab terhadap orang yang kurang mempunyai harta ataupun miskin dan papa.
- (2) Keadaan rumah yang tidak pernah dijaga kerana selalu d'rasai air dan tidak ada sumbangan daripada ketone setelah untuk memberi bantuan yang sepatutnya.
- (3) Masalah yang timbul dalam keadaan senang tidak pernah memikirkan masalah kesihatan yang ditanggung oleh mereka yang dalam kesihatan.
- (4) Kemudahan dan harta yang ada tetapi tidak seberapa seluarang-kurang yang dapat membantu dan menanggung beban tentang masalah yang dialami oleh mereka yang miskin.

Contoh jawapan di atas menunjukkan calon tidak memahami kehendak soalan dan tidak memahami maksud sajak. Penguasaan bahasa calon juga lemah. Jawapan juga tidak ditulis dalam bentuk esei. Jawapan di bawah pula menggambarkan calon tidak memahami istilah "konflik jiwa" sebaliknya menjawab watak Midun.

(b) Konflik jiwa yang dialami oleh 'Cikgu' ~~adalah~~ terhadap Midun adalah Midun yang selalu datang lewat ke sekolah walaupun 'Cikgu' telah berkali-kali menasihatinya. Midun yang tidak pernah menjawab soalan yang 'Cikgu' tanyakan ~~kepada~~ kepadanya dan Midun ~~ter~~ hanya mampu tersengih apabila ditanya oleh 'Cikgu'. Midun seorang pelajar tidak tahu membaca, menulis dan membaca serta prestasinya merosot berbanding dengan rakan-rakan yang lain. Midun seorang pelajar yang lemah dalam semua mata pelajaran 'Cikgu' pernah berkali-kali menasihati supaya belajar yang tekun tetapi dia tidak menghiraukannya.

## PRESTASI TERPERINCI

### Bahagian Satu

#### Soalan 1

Calon dapat menjawab dengan tepat. Soalnya jelas dan mudah difahami. Walau bagaimanapun kesilapan berlaku apabila calon memberikan unsur gaya bahasa yang tidak tepat dan contoh yang tidak betul.

Contoh jawapan yang baik: Calon dapat memberikan unsur gaya bahasa berserta dengan contoh yang tepat.

Raja muafakat dengan menteri,  
Seperti kebun berpagarkan duri.

(Dipetik daripada *Gurindam Dua Belas*, fasal yang kedua belas)

Senaraikan dua unsur gaya bahasa dalam puisi di atas.

- (i) ~~Simile~~ ~~ritik~~ kata perbandingan.  
Contohnya seperti kebun berpagarkan duri. [2 markah]
- (ii) ~~Aliterasi~~ ~~ritik~~ pengulangan huruf vokal a.  
Contohnya Raja muafakat dengan menteri. [2 markah]

Contoh jawapan yang sederhana: Walaupun calon memberikan dua unsur gaya bahasa tetapi hanya satu unsur dan contoh sahaja yang betul.

Raja muafakat dengan menteri,  
Seperti kebun berpagarkan duri.

(Dipetik daripada *Gurindam Dua Belas*, fasal yang kedua belas)

Senaraikan **dua** unsur gaya bahasa dalam puisi di atas.

(i) Simile contohnya seperti kebun berpagarkan duri. 1+1

[2 markah]

(ii) Metafora  
berpagarkan duri.

[2 markah]

Contoh jawapan yang lemah: Calon dapat menyatakan unsur gaya bahasa yang betul tetapi contohnya tidak lengkap di samping terdapat juga unsur gaya bahasa yang salah.

Raja muafakat dengan menteri,  
Seperti kebun berpagarkan duri.

(Dipetik daripada *Gurindam Dua Belas*, fasal yang kedua belas)

Senaraikan **dua** unsur gaya bahasa dalam puisi di atas.

(i) Mempunyai 4 perkataan dalam satu baris.  
Dan simile contohnya seperti.

[2 markah]

(ii) Personifikasi contohnya seperti kebun  
berpagarkan duri.

[2 markah]

## Soalan 2

Ramai calon dapat menjawab dengan tepat. Soalnya jelas dan mudah difahami. Terdapat calon yang cuba meneka jawapan berdasarkan aspek unsur Islam yang diberi dalam soalan.

Contoh jawapan yang baik: Dalam contoh jawapan di bawah calon dapat mengemukakan contoh yang tepat dengan unsur yang diberikan.

- 2 Lengkapkan jadual yang berikut dengan memberikan contoh unsur-unsur Islam terdapat dalam *Hikayat Ali Bada Syah*.

Unsur Islam	Contoh
(i) Gelaran	Sultan ✓
(ii) Nama Nabi	Nabi Isa <del>as</del> , Musa ✓
(iii) Perkataan	Allah, Solat, Alhamdulillah ✓
(iv) Nama Tempat	Negeri Syam ✓

Contoh yang sederhana: Hanya sebahagian sahaja jawapan yang tepat.

- Lengkapkan jadual yang berikut dengan memberikan contoh unsur-unsur Islam yang terdapat dalam *Hikayat Ali Bada Syah*.

Unsur Islam	Contoh
(i) Gelaran	Ali Bada Syah ✓
(ii) Nama Nabi	Isa Alahissalam ✓
(iii) Perkataan	Ya Rabbi! ✓
(iv) Nama Tempat	Kota Baghdad ✓

Contoh jawapan yang lemah: Calon gagal memberikan contoh yang betul.

- 2 Lengkapkan jadual yang berikut dengan memberikan contoh unsur-unsur Islam yang terdapat dalam *Hikayat Ali Bada Syah*.

Unsur Islam	Contoh
(i) Gelaran	Amenggung ✓
(ii) Nama Nabi	Nabi Ibrahim ✓
(iii) Perkataan	Syukur Alhamdulillah ✓
(iv) Nama Tempat	Di Rumah Ali Bada Syah ✓

### Soalan 3

Tidak ramai yang menjawab dengan tepat dan memperolehi markah maksimum walaupun soalnya jelas dan mudah difahami. Ramai yang menyatakan Tun Tuah diberi racun. Ramai juga calon yang menganggap Taming Sari mengamuk itu sebagai rancangan yang diaturoleh pemimpin Majapahit.

Contoh jawapan yang baik: Calon dapat menyatakan peristiwa berkaitan dengan tepat.

- 3 ... Dalam lima itu, kulihat pada sikap hulubalang yang bernama Tun Tuah itu lebih beraninya; akhirnya jadi hulubalang besar pada Tanah Melayu. Jikalau dapat, baik juga suruh bunuh dengan tipu. ...

(Dipetik daripada *Pahlawan Terbilang Kerajaan Gemilang*)

Berikan **dua** peristiwa percubaan membunuh Tun Tuah.

- (i) Tun Tuah diberi arak supaya mabuk, masa itu boleh dibunuh. [2 markah] 2
- (ii) Seorang penjuvit mengajak Tun Tuah bermain lembing. ketika itu dia boleh dibunuh. [2 markah] 2

Contoh jawapan yang sederhana: Jawapan calon tidak lengkap.

- 3 ... Dalam lima itu, kulihat pada sikap hulubalang yang bernama Tun Tuah itu lebih beraninya; akhirnya jadi hulubalang besar pada Tanah Melayu. Jikalau dapat, baik juga suruh bunuh dengan tipu. ...

(Dipetik daripada *Pahlawan Terbilang Kerajaan Gemilang*)

Berikan **dua** peristiwa percubaan membunuh Tun Tuah.

- (i) Memabukkan Tun Tuah tetapi Tun Tuah tidak mabuk. [2 markah]
- (ii) Melalui tarian, tun Tuah juga melalui tarian membunuh mereka. [2 markah]

Contoh jawapan yang lemah: Jawapan yang tidak lengkap dan peristiwa yang salah.

- 3 ... Dalam lima itu, kulihat pada sikap hulubalang yang bernama Tun Tuah itu lebih beraninya; akhirnya jadi hulubalang besar pada Tanah Melayu. Jikalau dapat, baik juga suruh bunuh dengan tipu. ...

(Dipetik daripada *Pahlawan Terbilang Kerajaan Gemilang*)

Berikan **dua** peristiwa percubaan membunuh Tun Tuah.

- (i) Tun Tuah diberi minum arak. [2 markah]
- (ii) Taming Sari berlawan dengan Tun Tuah. [2 markah]

#### Soalan 4

Soalan ini jelas dan mudah difahami. Tidak ramai yang dapat menjawab dengan tepat. Kedua-dua pecahan (a) dan (b) memerlukan jawapan yang tepat seperti dalam peraturan permarkahan. Contoh jawapan yang baik: Jawapan calon tepat.

4 ASAS 50 ditubuhkan di Singapura pada 10 Ogos 1950.

(a) Nyatakan nama penuh ASAS 50.

Asas ASAS 50 ialah Angkatan Sasterawan 50 [2 markah]

(b) Apakah slogan ASAS 50?

Slogan ASAS 50 ialah Seni Untuk Masyarakat [2 markah]

Contoh jawapan yang sederhana: Hanya sebahagian sahaja jawapan yang tepat.

4 ASAS 50 ditubuhkan di Singapura pada 10 Ogos 1950.

(a) Nyatakan nama penuh ASAS 50.

Angkatan Sastera Singapura 50 [2 markah]

(b) Apakah slogan ASAS 50?

Seni Untuk Masyarakat [2 markah]

Contoh jawapan yang salah: Calon memberikan jawapan yang salah.

4 ASAS 50 ditubuhkan di Singapura pada 10 Ogos 1950.

(a) Nyatakan nama penuh ASAS 50.

Pertubuhan Sasteraan Singapura [2 markah]

(b) Apakah slogan ASAS 50?

Cintai Bahasa Kita

### Soalan 5

Calon yang membaca dan menghayati drama ini dapat menjawab dengan tepat dan padat. Calon melakukan kesilapan apabila mereka tidak faham maksud "peranan". Calon hanya menjawab secara umum iaitu menyelamatkan Malisa, walhal 'menyelamatkan' dapat diperincikan lagi. Jawapan calon yang baik adalah dapat mengemukakan peranan kedua-dua watak secara terperinci. Jawapan calon sederhana pula, calon tidak memperincikan peranan kedua-dua watak secara berasingan. Manakala jawapan yang lemah ialah calon menyatakan peranan satu watak sahaja.

### Soalan 6

Calon dapat menjawab dengan tepat dan padat terutamanya yang membaca dan mengingati bahagian pendahuluan teks drama. Kesilapan calon ialah mereka tidak dapat menyatakan 'bentuk drama' lalu memberi huraian yang panjang.

Contoh jawapan yang baik: Definisi dan bentuk drama dinyatakan dengan tepat.

6 Drama Melayu moden telah berkembang sejak tahun 1940-an.

(a) Apakah definisi drama?

Drama ialah lakonan yang ditiru dan  
dilakukan oleh sesuatu watak. 2

[2 markah]

(b) Nyatakan bentuk drama mengikut dekad-dekad yang berikut.

Dekad	Bentuk
1950-an	Bentuk drama sandiwara 1
1960-an	Bentuk drama realisme realisme 1

Contoh jawapan yang sederhana: Calon hanya menjawab satu bahagian sahaja.

6 Drama Melayu moden telah berkembang sejak tahun 1940-an.

(a) Apakah definisi drama?

drama ialah sebuah cerita yang dilakukan oleh  
beberapa watak dan mempunyai dialog. 2

Contoh jawapan yang salah: Calon tidak dapat menjawab kedua-dua pecahan soalan dengan betul.

Drama Melayu moden telah berkembang sejak tahun 1940-an.

(a) Apakah definisi drama?

- Drama ialah sebuah cerita yang mempunyai pelakon-pelakon.
- Drama juga tidak mempunyai tema tetapi mempunyai pemikiran.

### Soalan 7

Soalannya jelas dan mudah difahami. Ramai calon yang menjawab dengan tepat. Calon yang tidak menguasai cerpen ini akan memberi jawapan yang pelbagai, termasuklah mengulang balik petikan soalan.

Tiba-tiba mereka semua tersentak ...  
... memastikan adakah itu suara binatang atau suara manusia.

(Dipetik daripada *Gajah Putih* dalam *Bacalah Dalam Bahasamu*, Jilid A)

7 Berdasarkan petikan di atas, nyatakan unsur-unsur keganjilan yang terdapat dalam cerpen tersebut.

- (i) Kemunculan seekor gajah <sup>ganjil</sup> yang berwarna putih yang berada di perkarangan masjid.
- (ii) Mempunyai suara seperti manusia dan apabila masjid diletupkan tiada serpihan daging atau darah gajah putih itu di dalam masjid tersebut.

[4 markah]

Contoh jawapan yang baik: Unsur-unsur keganjilan dinyatakan dengan tepat dan jelas.

Contoh jawapan yang sederhana: Jawapan calon merujuk kepada isi yang sama walaupun peristiwa yang berbeza iaitu berwuduk dan bersembahyang.

7 Berdasarkan petikan di atas, nyatakan unsur-unsur keganjilan yang terdapat dalam cerpen tersebut.

- (i) mereka semua terkejut sama ada suara binatang atau pun suara manusia.
- (ii) Adakah suara binatang menyerupai suara manusia atau pun suara manusia menyerupai suara binatang.

Contoh jawapan yang salah: Calon menjawab dengan menggunakan isi yang terdapat dalam petikan.

- 7 Berdasarkan petikan di atas, nyatakan unsur-unsur keganjilan yang terdapat dalam cerpen tersebut.
- (i) Gajah putih pergi ke tempat mengambil wuduk seperti sedang berwuduk. 2
- (ii) Gajah putih naik ke masjid dan sujud seperti manusia melakukan sujud dalam rebahtayang.

### Soalan 8

Soalannya jelas dan mudah difahami. Soalan ini menguji daya ingatan calon. Kesilapan calon ialah memberi tajuk cerpen atau nama penulis yang salah. Ramai juga calon terkeliru antara A. Samad Ismail dengan A. Samad Said. Terdapat juga calon yang mengeja Usman Awang sebagai Osman Awang atau Othman Awang.

Contoh jawapan yang baik: Calon dapat menyatakan tajuk cerpen dan penulis dengantepat.

Isikan nama penulis atau tajuk cerpen yang betul pada ruang yang disediakan.

Tajuk Cerpen	Penulis
(i) Rimbaku, Air Mataku	Usman Awang ✓
(ii) Ke Bintang-To	A. Samad Ismail ✓
(iii) Mereka Tidak Mengerti ✓	Keris Mas
(iv) Sahabat ✓	Anwar Ridhwan

Contoh jawapan yang sederhana: Sebahagian sahaja jawapan calon yang betul.

Isikan nama penulis atau tajuk cerpen yang betul pada ruang yang disediakan.

Tajuk Cerpen	Penulis
(i) Rimbaku, Air Mataku	Abraham ✗
(ii) Ke Bintang-To	A. Samad Ismail ✓
(iii) Pesona ✗	Keris Mas
(iv) Sahabat ✓	Anwar Ridhwan

Contoh jawapan yang salah: Calon gagal menyatakan tajuk cerpen dan penulis dengan betul.

8 Isikan nama penulis atau tajuk cerpen yang betul pada ruang yang disediakan.

Tajuk Cerpen	Penulis
(i) Rimbaku, Air Mataku	Hasan Ali
(ii) Ke Bintang-To	Zarina Nawawi
(iii) Meniti Rantau Kehidupan	Keris Mas
(iv) Puseran	Anwar Ridhwan

### Soalan 9

Ramai calon yang menjawab dengan tepat dan padat. Soalnya jelas dan mudah difahami. Kesilapan calon ialah mereka tidak member! nama Hasnah atau Zaleha tetapi sekadar menyebut gadis pilihan ibunya. Jawapan begini boleh memberi pengertian yang lain.

Contoh jawapan yang baik: Calon dapat menyatakan pendirian emak dan masalah yang dihadapi Ikram dengan tepat.

“Ya, Allah, syukurlah! Kalau itu pendirian emak, terima kasih. Sebenarnya dialah juga gadis pilihan saya selama ini. Kerana itulah susah bagi saya untuk beritau emak dulu. Alhamdulillah, sekarang tak ada masalah lagi. Minggu depan saya minta emak pergi meminang Hasnah.”

(Novel Restu karya Ismail Kassan)

(a) Pendirian emak dalam petikan di atas ialah

Pendirian emak dalam petikan di atas ialah tegas dan lembut kerana menerima Hasnah sebagai menantu. [2 markah]

(b) Nyatakan masalah yang dihadapi oleh Ikram berdasarkan petikan di atas.

Emak Ikram melarang ikram berkahwin dengan Hasnah kerana Hasnah merupakan Anak Tak Leman

Contoh jawapan yang sederhana: Calon tidak dapat menyatakan pendirian emak dengan tepat sebaliknya dapat menyatakan masalah yang dihadapi Ikram dengan jelas.

“Ya, Allah, syukurlah! Kalau itu pendirian emak, terima kasih. Sebenarnya dialah juga gadis pilihan saya selama ini. Kerana itulah susah bagi saya untuk beritau emak dulu. Alhamdulillah, sekarang tak ada masalah lagi. Minggu depan saya minta emak pergi meminang Hasnah.”

(Novel *Restu* karya Ismail Kassan)

(a) Pendirian emak dalam petikan di atas ialah

Pendirian emak dalam petikan di atas ialah tidak mahu anaknya Ikram menjalin hubungan dengan keluarga Tok Leman yang banyak menyusahkan keluarga Ikram. [2 markah]

(b) Nyatakan masalah yang dihadapi oleh Ikram berdasarkan petikan di atas.

Masalah yang dihadapi oleh Ikram ialah dia ingin meminang Hasnah tetapi takut untuk memberitahu ibunya kerana Hasnah adalah anak kepada Tok Leman dan ibunya amat membenci Tok Leman dan keluarganya. [2 markah]

Contoh jawapan yang lemah: Pendirian emak dan masalah yang dihadapi Ikram tidak dinyatakan dengan jelas.

“Ya, Allah, syukurlah! Kalau itu pendirian emak, terima kasih. Sebenarnya dialah juga gadis pilihan saya selama ini. Kerana itulah susah bagi saya untuk beritau emak dulu. Alhamdulillah, sekarang tak ada masalah lagi. Minggu depan saya minta emak pergi meminang Hasnah.”

(Novel *Restu* karya Ismail Kassan)

(a) Pendirian emak dalam petikan di atas ialah

Untuk memilih menantu pilihannya sendiri. [2 markah]

(b) Nyatakan masalah yang dihadapi oleh Ikram berdasarkan petikan di atas. ]

Untuk memberi tahu ibunya yang Hasnahlah gadis pilihannya selama ini.

### Soalan 10

Soalan ini jelas dan mudah difahami maksud tugasannya, iaitu definisi dan tujuan imbas kembali. Kesilapan calon ialah tidak dapat menggantikan perkataan 'imbas' dengan kata lain yang sama seperti 'menyorot', 'mengingat', 'mengenang' atau 'mengimbau'. Bagi soalan 10 (b) kesilapan calon ialah mereka menyatakan tujuan teknik ini adalah untuk mengimbas/mengingati/mengingatnkan peristiwa lama. Jawapan ini tidak menjurus kepada tujuan pengarang menggunakan teknik tersebut.

Contoh jawapan yang baik: Definisi imbas kembali diberi dengan tepat dan tujuan teknik juga dinyatakan dengan jelas.

Imbas kembali merupakan salah satu teknik yang digunakan oleh pengarang dalam menghasilkan sesebuah karya.

(a) Nyatakan definisi imbas kembali.

imbas kembali ialah benda yang telah berlaku dan  
kata-kata mengingatkannya semula. [2 markah]

(b) Apakah tujuan teknik tersebut digunakan?

untuk menarik lagi minat pembaca @ memahamkan  
lagi jalan cerita. [2 markah]

Contoh jawapan sederhana: Definisi imbas kembali diberi dengan tepat tetapi tujuan teknik tersebut tidak jelas dinyatakan.

Imbas kembali merupakan salah satu teknik yang digunakan oleh pengarang dalam menghasilkan sesebuah karya.

(a) Nyatakan definisi imbas kembali.

imbas kembali ialah teknik mengingat kembali peristiwa yang lalu. [2 markah]

(b) Apakah tujuan teknik tersebut digunakan?

menunjukkan watak mengingat kembali kejadian yang lalu dan  
peristiwa yang diatamnya. [2 markah]

Contoh jawapan yang lemah: Definisi imbas kembali tidak tepat dan tujuan teknik tersebut digunakan tidak betul.

Imbas kembali merupakan salah satu teknik yang digunakan oleh pengarang dalam menghasilkan sesebuah karya.

(a) Nyatakan definisi imbas kembali.

mengimbas  
mengingat semula peristiwa-peristiwa yang pernah berlaku. [2 markah]

(b) Apakah tujuan teknik tersebut digunakan?

mengingati semula peristiwa-peristiwa yang pernah berlaku. [2 markah]

## Bahagian Dua

### Soalan 1 (a)

Ramai calon tidak dapat menyatakan tema syair dengan jelas dan tepat, malah ada yang sekadar menyatakan semula tajuk syair. Kebanyakan calon tidak memahami isi syair yang memberi pedoman untuk menghadapi cabaran hidup bukannya menyatakan cabaran-cabaran dalam hidup. Calon hanya memperoleh markah untuk bahagian huraian tema.

a) Syair Pedoman Hidup bertemakan (panduan untuk manusia menempuh segala dugaan dan rintangan hidup.)  
Antara panduan yang terdapat dalam syair ini ialah (kita hendaklah berusaha dengan gajih) dalam mencapai cita-cita. Kita mesti (ada hati tujah) dan (sentiasa berdoa kepada Allah.)

Contoh jawapan yang baik: Calon dapat mengemukakan tema dan huraianya dengan tepat.

Contoh jawapan yang salah: Calon gagal menyatakan tema dan huraianya tetapi hanya mentafsir maksud tersurat syair berkenaan.

a) - Tema syair ialah tentang kehidupan seseorang semasa ingin merantau di negeri orang untuk belajar. Syair tersebut juga ingin mengatakan kisah semasa merantau dan rencana hidup mereka ~~at~~ semasa berada di sana. Mereka juga di ajar supaya mempunyai budi pekerti yang mulia.

### Soalan 1(b)

Calon dapat memberikan jawapan yang tepat dan padat kerana aspek pengajaran dinyatakan dengan jelas dalam syair. Ramai calon yang mendapat markah maksimum di samping ramai juga yang memberi jawapan yang melebihi had maksimum. Kesilapan calon masih ketara iaitu memberi jawapan yang bukan dalam bentuk pengajaran tetapi pernyataan umum.

Contoh jawapan yang baik: Calon dapat menyatakan pengajaran daripada syair dengan tepat.

(b) Pengajaran - pengajaran yang terdapat dalam syair di atas adalah (kita hendaklah memohon pertolongan daripada Allah agar ~~kita~~ segala apa yang kita hajat akan tercapai.)  
 (kita mestilah sabar dalam menempuh hidup ini yang terdapat pelbagai ~~mas~~ jenis bangsa, agama dan kepercayaan.  
 (kita haruslah mempunyai rasa kersahan dalam diri apabila kita mendapat sesuatu yang susah dalam hidup.)<sup>2</sup>  
 (kita hendaklah mempunyai matlamat hidup agar kita mendapat keberkatan dari-Nya.)<sup>2</sup>

Contoh jawapan yang salah: Calon gagal menyatakan pengajaran tetapi menerangkan maksud syair sahaja. Jawapan ini menunjukkan calon tidak faham konsep pengajaran.

Kehidupan kita adalah seumpama bahtera berhadapan dengan berhadapan dengan masa depan dan ada dua tujuan dalam bicara iaitu satu berundur dan satu mara ke hadapan tapi jika dapat dibuat dengan hati yang bersungguh-sungguh menggunakan akal dan budi pekerti dan meminta pertolongan Rabbul-izzati dan pada yang masa yang akan datang nanti tercapailah apa yang telah dikehendaki dan <sup>didalam</sup> pelayaran kehidupan lama juga masanya dan dalamnya mengandungi kesenangan dan kedukaan dan rencananya akan terdapat pelbagai jika kemudian berpegang dan jangan mengambil ringan dan kalau tidak keras kemahuan pastinya kapal akan menuju ke tempat lain dan cita-cita yang tinggi mungkin terjadi dapat dicapai tapi pelayarannya tidak akan sampai ke tempat yang diidamkan ditujui dan jika itu daratan dapat dilihat sudah janganlah pelayaran diambil ringan dan sepatutnya

pelayaran  
merpuh dengan insaf dan gundah dan  
ingatlah bahaya yang mungkin dihadapi  
dalam pelbagai padah.

### Soalan 1(c)

Ramai calon yang berjaya mencipta syair yang baik serta menepati ciri dan tema yang ditetapkan. Calon-calun ini berupaya meraih markah maksimum bagi setiap rangkap. Kekuatan syair bukan sahaja terletak pada tema dan cirinya tetapi juga kepuhisan bahasa serta kreativiti calon. Walau bagaimanapun terdapat calon yang gagal mencipta sebuah syair yang baik. Ramai juga calon yang berusaha mencipta dua rangkap syair sebagai sambungan syair dalam soalan. Usaha tersebut menimbulkan kepayahan dalam mencipta syair yang baik. Kekeliruan timbul mungkin disebabkan terdapatnya pernyataan dalam soalan iaitu "sebagai sambungan syair di atas". Antara kesalahan / kesilapan calon ialah :

- Baris pertama dan kedua berbentuk pembayang maksud.
- Rima akhir bukan "aaaa"
- Menyalin terus sebahagian baris daripada syair **Pedoman Hidup** atau sajak **Kebanjiran**.
- Bilangan baris selain daripada empat baris.
- Tidak menepati tema yang ditetapkan.
- Masih mengulang secara nyata 'pelayaran di lautan'.
- Mencipta hanya serangkap syair.

Contoh jawapan yang baik: Jawapan calon ini menepati tema, ciri-ciri syair dan penggunaan bahasa yang baik.

(Hindarkan sifat sombong dan megal,  
Lenyapkan api nafsu amarah,  
Ketala hidupmu tidala kan busah,  
Disanjung manusia disayangi Allah.)  
(Hidup di dunia hendakalah berbalah,  
Musuh dajana usah dicari,  
Kasih dan sayang sematkan di hati,  
Sentosa masyarakat aman negeri.)

Contoh jawapan yang salah: Jawapan tidak mematuhi rima syair

c ( Pelayaran di buat untuk merantau, a  
mencari ilmu di negeri orang, b X  
Janganlah kita membuat jahat, c  
kerana bala pasti datang. ) d

( Hujan emas di negeri orang, a  
Hujan batu di negeri sendiri, b  
Janganlah kita hidup ber senang- lenang, a  
kerana kita hidup menumpang. ) a

Jawapan berikut terpesong dari segi tema, ciri dan tiada kreativiti.

ke hidup kita ibarat sepohon pokok  
kalau pokok itu ditiup angin  
maka bergoyanglah pokok itu  
kalau tidak ditiup bina salah kita

tetapi jika tidak ditiup angin  
diguna cahaya matahari  
agar meminta pertolongan daing  
supaya beneri angin yang bertawar

### Soalan 2(a)

Soalan ini jelas dan mudah difahami, tetapi tidak ramai calon yang menjawab dengan baik. Markah yang diperolehi hanyalah untuk pernyataan adat istiadat yang sipi-sipi. Jawapan yang dikemukakan menggambarkan calon tidak bersedia dengan soalan bagi menggambarkan adat istiadat tersebut secara terperinci. Antara kesalahan/kesilapan calon ialah:

- Menggambarkan adat istiadat itu sebagai adat perkahwinan.
- Menyatakan semua adat yang terdapat dalam cerita tersebut.

Contoh jawapan yang baik: Calon dapat menyatakan upacara yang dijalankan dalam adat peminangan antara Raja Muda dengan Puteri Sultan Muzaffar Syah dengan betul.

Adat istiadat peminangan antara Raja Muda dan Puteri Sultan Muzaffar Syah dimulakan dengan rombongan Raja Muda pergi merisik. Kemudian Raja Muda (menepedahkan emas sebagai hantaran). Emas itu telah dihantar dengan menaiki sebuah perahu yang dihias indah, (dipasang pula dengan pelbagai bunyi-bunyian). Emas itu diarak (oleh gajah ke Istana) Sultan Muzaffar Syah. (Sultan sangat gembira menerima emas hantaran) tersebut yang dipersembahkan kepadanya.

Contoh jawapan yang salah: Calon hanya menyenaraikan semua adat yang terdapat dalam cerita tersebut tanpa menyentuh upacara adat peminangan itu sendiri.

a) (merisik) bertunang, berkahwin, adat bergaga-taga simasa berkahwin, adat mandi sampat, adat perkabalan Raja, adat ~~permataman~~ permataman, adat bertindik.

### Soalan 2(b)

Ramai calon yang menjawab dengan tepat dan memberikan fakta dan contoh yang sesuai. Walau bagaimanapun terdapat calon yang tidak dapat mengemukakan contoh yang tepat seperti dalam cerita.

Contoh jawapan yang baik: Calon dapat menyatakan gambaran masyarakat dan contoh dengan jelas.

(b)  
Dalam cerita Adat Istiadat Raja Perak berbagai-bagai gambaran masyarakat dipaparkan. Antaranya (masyarakat yang mengamalkan adat istiadat) (contohnya adat pertunang antara puteri Sultan Muzaffar dengan Raja Muda). Masyarakatnya (saling berkejasama) (ditanya sangat taat menepedahkan majlis perkahwinan) (penduduknya sangat taat kepada perintah raja) (Mevaka berhiwarus beramai-ramai melihat majlis raja) walaupun cacat. Dalam cerita ini juga (terdapat masyarakat Islam) dan (pelbagai bangsa). Mevaka hidup (saling berkejasama dan bertolongan) mewujudkan masyarakat harmoni dan bersatu-padu.

Contoh jawapan yang salah: Jawapan calon ini bercampuraduk antara mesej dengan gambaran masyarakat. Gambaran masyarakat yang dinyatakan pula tidak tepat. Jawapan begini menunjukkan calon tidak jelas teknik menjawab gambaran masyarakat.

2(b)  
 Dalam cerita Adat Istiadat Perak, rakyatnya  
 suka menghabiskan masa suka-suka tanpa berbuat apa-  
 apa pun. Ada juga yang suka mengwang cerita  
 raja-raja zaman dahulu kala. Tapi mereka juga  
 hidup berjaja-jaga takut musuh musuh  
 negara. Ada rakyat negara itu beranak tamsil  
 padi, sayur-sayuran dan buah-buahan.  
 Kita hendaklah rajin bekerja supaya raja  
 suka kita. Jangan kita suka ting adat  
 istiadat orang. Pentinglah diri sendiri.

### Soalan 3(a)

Soalan ini merupakan soalan popular. Persoalan-persoalan yang ditanya jelas digambarkan dalam sajak. Calon dapat menterjemahkan peristiwa banjir di daerah itu dalam bentuk persoalan yang implisit. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang menjawab dalam bentuk mesej.

Contoh jawapan yang baik: Calon dapat menyatakan persoalan-persoalan yang terdapat dalam sajak dengan tepat. (Contoh berikut hanyalah sebahagian daripada jawapan calon)

(a) Persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh penyajak  
 ialah persoalan mengenai (banjir yang sering di 2  
 hadapi oleh penduduk kampung).  
 Persoalan mengenai (kemiskinan) hidup yang terpaksa  
 dilalui oleh masyarakat atau penduduk kampung  
 akibat banjir.

Contoh jawapan yang salah: Persoalan-persoalan sajak dijawab dalam bentuk mesej.

(a) Kita hendaklah memahami keadaan yang  
 sudah sangat baik ini.  
 \* Kita hendaklah bersikap dengan apa  
 yang kita ada.  
 \* Kita hendaklah berpantang dosa.  
 \* Kita hendaklah memahami keadaan  
 lain dan tidak menghinakan mereka.

### Soalan 3(b)

Jawapan kepada soalan ini ialah melankolik dan huraian yang menggambarkan nada itu. Calon mendapat markah penuh sekiranya set jawapan itu diberi. Terdapat calon yang tidak dapat menyebut melankolik tetapi diberi nada sedih. Sungguhpun diterima tetapi markahnya tidak penuh. Kesalahan/kesilapan ialah calon mengemukakan nada tinggi atau nada rendah.

Contoh jawapan yang baik: Calon dapat menyatakan nada dan contohnya dengan tepat.

3(b) (Sajak kebanjiran karya A. Samad Said mempunyai nada sedih atau melankolik). Contohnya terdapat dalam rangkai pertama, kedua dan ketiga.  
Contohnya:  
Daerah ini sudah selalu banjir  
dan kita yang selalu terbiar  
miskin dan papa  
datang air mengamuk liar)

Contoh jawapan yang salah: Jawapan ini menunjukkan calon tidak memahami konsep nada dalam sajak.

(b) nada sajak ini adalah sesuatu penduduk di kampung yang mengalam kebanjiran selalu oleh sebab itu orang-orang tua dan bayi bajinya boleh menyebabkan mati.

### Soalan 3 (c)

Ramai calon yang menjawab soalan ini dengan baik dengan memberikan sikap penyajak dan kaitannya dengan kejadian yang sering berlaku di kawasan berkenaan. Namun begitu terdapat calon yang memberikan beberapa pernyataan sikap yang membawa makna yang sama. Contohnya simpati, prihatin, belas kasihan dan bertimbang rasa. Kesilapan calon ialah memberi pernyataan bukan sikap penyajak tetapi penyajak meminta orang lain/pembaca bersimpati dengan kesusahan orang miskin.

Contoh jawapan yang baik: Calon dapat menyatakan sikap penyajak yang berkaitan dengan kejadian banjir.

(c) Dalam sajak ini (penyajak berasa sedih dengan nasib yang menimpa orang-orang miskin.) Dia kesal kerana masyarakat di kampung yang dilanda banjir tidak dihiraukan dan tidak di beri bantuan yang sewajarnya. (Penyajak juga kecewa kerana nasib orang-orang miskin tidak dipedulikan dan dia bersimpati terhadap golongan ini yang bukan sahaja miskin tetapi juga sering dilanda banjir.) Kemiskinan dan penderitaan golongan ini telah menyebabkan penyajak berasa insaf)

Contoh jawapan yang salah: Calon tidak menyatakan sikap penyajak tetapi meminta orang lain atau masyarakat memberi respons kepada apa yang berlaku.

3c.  
Sikap penyajak  
Penyajak malukan orang-orang yang kaya membantu mangsa-mangsa banjir. Penyajak juga meminta golongan ini bersimpati dengan nasib orang miskin yang sering dilanda banjir, kita juga hendaklah insaf dengan penderitaan orang lain, kita harus bersyukur kerana tempat kita tidak dilanda banjir.

#### Soalan 4(a)

Ramai juga calon menjawab soalan pilihan ini. Calon dapat menjawab dengan baik walaupun tidak setepat peraturan permorkahan, tetapi membawa maksud yang hampir sama. Terdapat calon yang memberi jawapan yang salah untuk pernyataan pemikiran. Ada yang menyatakan kisah kehidupan Hindun pada waktu dulu. Masih terdapat calon yang tidak faham maksud pemikiran dengan merujuk Tikiran'.

Contoh jawapan yang baik: Calon menyatakan pemikiran dan huraian dengan jelas dan tepat.

4(a) Drama Waktu sesudah itu <sup>(bertemakan perjuangan seorang</sup>  
wanita menuntut kemerdekaan, tetapi  
malang, jasanya tidak dikenang orang.) Tidak  
siapa memperdulikannya apabila dia tua (Hindun  
berjuang bersama-sama rakan-rakannya menuntut  
kemerdekaan tanah air semasa mudanya.  
Apabila tua dia dianggap nyanyuk, gila dan  
Bidiu sering menghina.)

Contoh jawapan yang salah: Calon menyatakan pemikiran drama tersebut hanya mengemukakan sinopsis drama tanpa

1) / Penikiran  
- mengisahkan mengenai seorang wanita tua yang selalu  
dihina kerana keadaan yang dikatakan pengemis.  
Dia mengutip sampah-sampah seperti botol, kotak dan  
puntung puntung rokok untuk dijual dan puntung rokok  
pula digunakan untuk menghisap rokok setelah  
dibersihkan. Dia akan mendapat wang dari hasil jualah  
botol dan kotak dan dia akan singgah ke sebuah warung  
kedua untuk membeli beberapa biji rokok.  
tuan punya warung. Ia juga menyelitkan mengenai wanita tua  
ini mendapat ganjaran kerana pernah berjuang menuntut  
kemerdekaan. Sejak cerita mengenai ganjaran yang diterima  
wanita tua ini tersebar, ramai yang mengambil  
untuk mengaut harta milik wanita tua ini. Berbeza  
adegan yang terjadi tetapi tidak kesempurnaan  
mengaut harta wanita tua ini kerana ketika wanita  
tua ini sesak, ada juga yang menghukukkan bunuh

#### Soalan 4(b)

Rangkaian kata 'citra wanita watak' tidak mengelirukan calon. Semua faham dengan memberi penekanan kepada watak dan perwatakan Hindun namun terdapat calon yang hanya memberikan huraian tanpa menyatakan faktanya terlebih dahulu. Contohnya "Hindun mewakafkan wang tunai yang diperolehnya kepada Rumah Orang-Orang Tua dan Anak Yatim" tanpa memberikan faktanya (sifat Hindun) iaitu pemurah. Dengan demikian calon kehilangan separuh markah.

Contoh jawapan yang baik: Calon dapat menyatakan sifat Hindun berserta dengan contohnya sekali.

(b) Citra wanita watak Hindun seorang (berani, dimana...  
...sama (mudanya Hindun berani dan banyak mengkhiribik...  
...pibak penjajah... sehingga pernah dipenjajakan...)  
Citra wanita watak Hindun, seorang yang bersungguh-sungguh  
(patriatik) Hindun sentiasa bersungguh-sungguh tinggi mata dalam perjuangan  
membebaskan negara ini daripada belenggu penjajah...  
Citra wanita watak Hindun yang hidup (melarat) Hindun  
seorang wanita tua yang hidupnya dalam keadaan daif...  
dimana tiada seorang pun yang mengatahki kisah hidupnya...  
Citra wanita watak Hindun, seorang wanita tua yang  
(pengat) Hindun jarang benar mandi dan ini menyebabkan  
keadaannya nampak kotor. Hindun juga sentiasa memakainya  
guni buruk untuk mengutip sampah-sampah di tepi-tepi jalan.

Contoh jawapan yang salah: Calon menceritakan apa yang terjadi kepada Hindun, bukan menyatakan sifat dan perwatakannya.

b) Citra Wanita Watak Hindun  
Hindun menghabiskan separuh masa hidupnya  
di rumah buruk. Setiap hari dia akan mengumpul  
sampah sarap, tin-tin kosong serta botol-botol  
minuman, dimasukkan dalam karung plastik dan  
dijual dengan jumlah itu dia mendapat wang dan membeli  
makanan dan minuman setiap hari. Kadang-kadang  
jika Karim, Azwan menghantar makanan kerana  
kasihan dengan kehidupannya yang seks gusah itu.  
Walaupun begitu ada juga manusia yang selalu memarah  
dan menghin Hindun iaitu Budin. Budin sangat  
kari keput Hindun yang selalu masuk ke kedai



Contoh jawapan yang salah: Calon memberikan jawapan terlalu ringkas, tidak ada fakta yang tepat, tidak disertakan contoh serta menjawab dalam bentuk nota

(a) i) seorang pelajar  
ii) seorang yang pemala  
iii) seorang yang pengotor & menjijikan.

#### Soalan 5(b)

Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik dengan memberikan perkataan yang menunjukkan konflik berserta contoh yang sesuai, tetapi calon masih tidak dapat mempelbagaikan istilah yang menunjukkan tanda-tanda konflik melainkan kepada istilah marah, benci dan geram sahaja. Terdapat calon yang terus memberi contoh tanpa menyatakan tanda konflik. Hal ini menyebabkan mereka tidak mendapat markah penuh.

Contoh jawapan yang baik: Calon dapat menyatakan konflik dengan jelas dan disertai contoh yang betul.

b) Konflik jiwa yang dialami oleh cikgu dalam cerpen ini ialah (dia berperasaan benci) (iaitu benci terhadap Midun yang tidak mengikut arahnya) (Cikgu juga berperasaan marah) (Dia selalu menarahi Midun yang tidak dapat menjawab soalan yang ditanya walaupun sudah lama belajar) Sifat-sifat cikgu berubah apabila dia dimasukkan ke hospital. Cikgu yang dulu marah-marah dan benci terhadap Midun, (mula berasa malu) (Dia malu apabila Midun bersimpati kepadanya walaupun dia berkasar dengan Midun) (Cikgu juga berasa kesal) (iaitu kesal dengan sikapnya yang membenci terhadap Midun walaupun Midun bersimpati kepadanya).

Contoh jawapan yang salah: Calon tidak memahami apa kehendak soalan.

b) Cikgu yang membetulkan Midun: semasa cikgu mengajar, dia tidur cikgu yang mengejut dan suruh membasuh muka. Cikgu suruh menyalin nota ringkas untuk membaca. dan juga cikgu bagi banyak kerja rumah kepada Midun. Cikgu nak ~~salah~~ membetulkan Midun dan Midun juga terasa belajar.

### Soalan 5(c)

Ramai calon yang mendapat markah penuh kerana pilihan jawapan yang banyak. Hanya segelintir calon yang tidak menggunakan teknik yang betul ketika menjawab pengajaran. Kelemahan lain ialah mereka tidak menguasai isi cerita.

Contoh jawapan yang baik: Calon dapat menyatakan pengajaran daripada cerpen dengan tepat dan jelas.

Dalam cerpen ini terdapat banyak pengajaran yang dikemukakan (Kita hendaklah sentiasa berprinsip baik terhadap orang lain.) (Kita juga janganlah menyimpang dendam terhadap orang lain kalau sebegar zarah sekalipun.) (Kita hendaklah sentiasa menolong orang yang dalam kesusahan.) (Pengajaran yang lain ialah kita hendaklah saling sayang menyayangi antara satu sama lain.)

Contoh jawapan yang salah: Calon gagal menyatakan pengajaran cerpen dengan tepat. Jawapan disampaikan dalam bentuk nota.

b) - Kita hendaklah baik hati dan bertuan dengan Midun.  
- Kita janganlah memalas belajar di dalam kelas.  
- Kita hendaklah menjadi seorang pelajar yang rajin.  
- Kita janganlah kelibatan rendah yang budak yang mengotornya.  
- Kita hendaklah baik hati masa berjumpa di citgu ke hospital.  
- Kita janganlah bergaduh dengan kawannya.  
- Kita hendaklah suka bertolong orang.

### Soalan 6(a)

Soalan ini kurang popular walaupun soalnya jelas dan mudah difahami. Calon yang menjawab dapat memberi jawapan yang tepat walaupun isinya tidak tersusun. Namun begitu bagi calon-calon lain beberapa kesilapan dapat dikesan iaitu:

- Memberi sinopsis.
- Mencampurkan halangan-halangan dengan cara mengatasinya.
- Memberi jawapan yang menunjukkan cara mengatasi halangan.
- Keliru antara Ikram dan abangnya Yazid.

Contoh jawapan yang baik: Calon dapat mengemukakan halangan-halangan yang dihadapi Ikram dengan jelas dan tepat.

Soalan 6(a)

Ikram menghadapi banyak halangan dalam hidupnya. Halangan pertama ialah tentang kemiskinan yang menyebabkan dia tidak dapat membayar yuran sekolah. (Kematiannya 2  
ayahnya menyebabkan dia hilang tempat bergantung). (Dia terpaksa 2  
hidup bersama adiknya setelah ibunya berkahwin lain dan berpindah dari kampung itu.) Oleh kerana kemiskinan juga (Ikram terpaksa 2  
bekerja di samping melenaskan pelajarannya.) Kadang-kadang 2  
dia terpaksa ponteng sekolah kerana bekerja di kebunnya. (Ikram  
juga menghadapi masalah menghantar hasil kebunnya ke bandar kerana lori yang ditempahnya tidak tiba.) Semasa menjadi 2  
Penolong Pegawai Daerah dia (menghadapi masalah untuk menjalankan projek pintu air di kampungnya kerana mendapat kutangan dan orang kampung) terutamanya Leman Fail. (Emaknya juga 2  
tidak membenditkan burkahwin dengan Hasnah-rasuk Tok Leman) 2

Contoh jawapan yang salah: Calon tidak memahami tugas soalannya. Jawapannya jauh terpesong dari kehendak sebenar. Penguasaan bahasa calon juga agak lemah.

(a.) Dalam karya testu ini Ikram banyak Menghadapi Masalah<sup>2</sup> yg risiko. Tetapi akhirnya berjaya jugak. Dia kena marah ~~terpada~~ di majlis pat usop. dan tiada siapa yg menyokong dia dan Mengambil berat terhadap ikram. tetapi pak usop Tolong kepada Ikram dan Nasihat kepada Ikram sebab Ikram tidak perlu putus asa senang. Ia menguatkan ikram Menyenangkan ikram. 10

Soalan 6(b)

Calon dapat menjawab soalan ini tepat walaupun isinya tidak tersusun. Terdapat calon yang dapat menjawab cara mengatasi halangan itu selari dengan halangan-halangan yang dinyatakan di bahagian (a). Walau bagaimanapun ramai yang gagal menjawab selari walaupun markah boleh diperolehi dengan jawapan demikian. Kesalahan/kesilapan yang dilakukan calon ialah gagal mengemukakan isi yang mencukupi dan ada yang hanya menyatakan Ikram mengatasi halangan-halangan tersebut dengan sabar dan tabah sahaja.

Contoh jawapan yang baik: Calon faham kehendak soalan. Jawapannya jelas menyatakan bagaimana Ikram mengatasi halangan-halangan yang dihadapinya.

6(b) Ikram mengatasi halangan-halangan tersebut dengan meminta nasihat daripada Pake Usop. Ikram terpaksa bekerja keras memajut polek kelaps muda dan petua untuk mencari rezeki yang halal. (Ikram gigit mengusahakan kebun reas miliknya) yang ditinggalan oleh ayahnya, matali kerap kali dia porteng selaloh demi menjaga kebunnya itu. Ikram juga sentiasa berdoa kepada Allah memohon perolonganNya. Untuk berjaya dalam peperiksaan spm ni Ikram terpaksa tidur di-suarau belajar seorang diri dug segala kesusahannya. (Ikram belajar bersungguh-sungguh agar dia lulus dan peperiksaananya) (Ikram juga sentiasa bersabar menunggu bri yang akan mengangkut nanasnya) walaupun dia terpaksa bermalam di jalau raya. (Ikram tidak pernah jemu melakukan ape sye asalkan dia dapat menyara kehidupan bersama adiknya.

Contoh jawapan yang salah: Calon gagal mengemukakan jawapan yang jelas. Usaha-usaha yang dilakukan Ikram terlalu umum.

b) Ikram mengatasi halangan-halangan itu dengan berusaha sedaya-upaya untuk membantu keluarganya yang kurang upaya. Ikram juga seorang yang rajin dan tabah dalam melaksanakan sesuatu tugasan yang diberikan ~~kepada~~<sup>oleh</sup> orang lain. Malah Ikram juga tidak mengabaikan pekerjaannya yang dimiliki untuk mendapat gaji yang dan kenaikan pangkat dalam pekerjaannya. Ikram juga berjaya menyatikan dan mengambil masa yang terlalu lama untuk menyatikan kepada matanya tentang hubungannya dengan Hasnah.

## **SARANAN KEPADA CALON**

1. Mesti menguasai semua teks yang telah ditetapkan. Penguasaan sebahagian cerita daripada teks akan menyebabkan calon gagal menjawab soalan di Bahagian Satu.
2. Menguasai teknik menjawab soalan dengan betul dan tepat.
3. Memahami istilah-istilah serta konsep kesusasteraan.
4. Membuat latihan yang berterusan terutamanya soalan struktur yang lebih luas skopnya.
5. Membuat nota-nota kecil serta rajah-rajah yang mudah untuk diingati.

## **SARANAN KEPADA GURU**

1. Mengajar semua genre pada setiap penggal.
2. Pelbagaikan kaedah P&P supaya pelajar berminat dan menguasai kemahiran menganalisis bahan sastera.
3. Faham istilah kesusasteraan dan dapat memahamkan pelajar.
4. Memberi latihan topikal yang berterusan selepas P&P.
5. Menguasai teknik menjawab soalan dan mendedahkan kepada pelajar.